

# Sejarah Perkembangan Latihan Perguruan di Malaysia: Satu Tinjauan

Lee Chee Ying

Maktab Perguruan Sri Pinang  
Pulau Pinang

The Second World War has either created or accelerated political, economic, social and educational changes, particularly in the newly independent developing countries of which our country Malaysia is one. These new changes have brought about many challenges which affect educational policy, aims, organisation and curricula. The function of school has been seen as changing and this inevitably has affected the education and training of teachers. In Malaysia, education is seen as an instrument of national integration and development; and teacher education is perhaps the most important part of this, because teachers are the agents responsible for translating educational policies into reality.

This paper deals with the development of teacher education from the early days of the British colonial administration to the present post independence era. It attempts firstly to describe briefly the teacher education during the pre-independence period of time and attempts made after the World War II and post-independence period in the development of teacher education in this country, secondly to highlight some aspects of the current trends and challenges in the development of teacher education in our country, Malaysia.

## Pengenalan

Pendidikan perguruan sangat penting dalam perkembangan pendidikan sesebuah negara. Tepat sekali kalau dikatakan ia merupakan komponen yang penting bagi satu struktur pendidikan kerana guru-gurulah yang akan menterjemahkan dan menghayati matlamat-matlamat pendidikan kepada kenyataan. Kekuatan satu-satu sistem pendidikan dalam banyak hal bergantung kepada kualiti guru-gurunya.

Keadaan ini menjadi lebih ketara lagi dalam masyarakat majmuk seperti yang terdapat di Malaysia yang sedang mengalami perubahan yang sangat pesat dalam bidang-bidang politik, sosial dan ekonomi. Pendidikan perguruan perlu mengambil kira aspek-aspek kuantiti dan kualiti dalam sebarang rancangan latihan yang menyeluruh. Bilangan guru yang mencukupi perlu dilatih bagi menampung bilangan penduduk-penduduk yang dalam peringkat umur persekolahan yang semakin meningkat bilangannya. Guru-guru ini perlu dilatih supaya mereka mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi mengendalikan masalah-masalah tertentu. Satu renungan kepada masa yang silam perlu dibuat, yang bukan sahaja akan membolehkan kita melihat pendidikan perguruan dari perspektif yang sewajarnya, tetapi juga, akan menjadi titik permulaan kepada kajian masa kini mengenai perkembangan pendidikan perguruan di Malaysia.

## Sejarah Latar

Dalam sistem pendidikan negara, terutama aspek latihan perguruan, kita masih menghadapi pelbagai masalah yang rumit seperti bilangan guru pelatih, mutu perguruan, tempoh latihan, ke-

lengkapan dan kemudahan serta sebagainya. Jika kita ingin memahami masalah latihan perguruan yang dihadapi hari ini, kita mesti meninjau kembali dan menganalisa perlaksanaan-perlaksanaan latihan perguruan, kemudian baru dapat dikaji masalah hari ini yang kemudiannya memungkinkan ramalan perkembangan hari depan dibuat.

Semasa Francis Light mendarat di Pulau Pinang pada tahun 1876, beliau telah membawa bersama-samanya kuasa dan pengaruh-pengaruh politik Inggeris. Pengaruh ini berlanjutan hingga Malaya mencapai kemerdekaannya. Penjajah Inggeris menganggap bukanlah tugas mereka memberikan pendidikan kepada orang-orang pendasang. Oleh itu pihak Inggeris, menurut perjanjian yang dipersetujui oleh Raja-Raja Melayu, hanya mendirikan sekolah peringkat rendah bagi anak-anak Melayu sahaja. Sejak itu, datanglah badan-badan mubaligh Kristian mendirikan sekolah-sekolah Inggeris di sini. Bagi kaum China dan India, masing-masing dengan usaha sendiri, telah membuka sekolah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Maka terbentuklah empat aliran yang menggunakan empat jenis bahasa pengantar yang berlainan.

Dalam masa 170 tahun di bawah pemerintahan Inggeris tidak ada dasar pelajaran yang nyata dan tidak ada sistem latihan perguruan. Pengambilan guru serta latihan dibuat secara sementara sahaja (ad hoc). Di bawah ini diuraikan latihan perguruan empat aliran itu.

### **Sekolah Inggeris**

Kelas-kelas Normal ditubuhkan oleh pemerintah Inggeris untuk melatih guru-guru tempatan kerana guru-guru berasal dari England tidak mencukupi. Latihan seperti itu mula-mula sekali diadakan pada tahun 1905 di Kuala Lumpur oleh En. Howard Tayte di Institut Victoria. Latihan perguruan tersebut diteruskan sehingga menjelang merdeka. Ia dibahagikan ke dalam dua jenis, iaitu guru-guru sekolah rendah dan guru-guru sekolah menengah. Kelayakan masuk ialah kelulusan matapelajaran Inggeris dalam Senior Cambridge (SC) dan dua atau tiga matapelajaran yang berpangkat kepujian. Latihan ini memakan masa dua tahun. Mulai 1925, Tempoh latihan diperpanjangkan menjadi tiga tahun. Selepas Perang Dunia Ke Dua, buat satu ketika, latihan ini dibuat melalui cara pos. Kerajaan Malaya pernah menghantar orang-orang Melayu untuk menerima latihan perguruan di Universiti Hong Kong antara 1918-1928, selama 10 tahun. Apabila Maktab Raffles tertubuh pada tahun 1928, maka guru-guru pun diberi latihan di sini. Sesudah merdeka, kebanyak-an pegawai pelajaran terdiri dari graduan-graduan sastera atau sains dari Maktab Raffles. Dalam tahun-tahun 1948-1955, semasa Malaya berada dalam keadaan dharurat, pegawai pelajaran Inggeris seberang laut enggan datang berkhidmat di sini. Ini mengakibatkan kekurangan guru-guru di sini. Oleh kerana kurang tenaga dan kewangan, kerajaan Malaya terpaksa mengadakan maktab Kirby di Liverpool untuk menghasilkan guru-guru Bahasa Inggeris bagi sekolah menengah dan rendah, dan Maktab Brinsford Lodge di Wolverhampton demi menghasilkan guru sekolah menerengah Inggeris. Cuma pada tahun 1964, barulah ditubuhkan Maktab Perguruan Malaya (MTC) di Pulau Pinang dan dengan itu tamatlah kedua-dua maktab sementara di England itu.

### **Sekolah Melayu**

Pelajaran Melayu sebelum merdeka diadakan setakat darjah enam sahaja. Walaupun terdapat darjah tujuh di beberapa negeri, tetapi belum ada sekolah menengah untuk kelulusan akademik. Kebanyakan guru-guru Melayu adalah lulusan darjah enam atau tujuh. Mereka mendapat latihan melalui sistem guru pelatih iaitu bekerja sebagai guru sementara di sekolah, di samping menyertai kelas latihan perguruan selama tiga tahun. Apabila tamat latihan mereka diterima sebagai guru bersijil. Jika gagal, mereka menjadi guru tidak bersijil. Guru lelaki yang bersijil yang berjaya dalam pemilihan dihantar oleh kerajaan ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim untuk latihan lanjutan; sementara guru-guru perempuan pula dihantar ke Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka, untuk mendapat latihan selama dua tahun. Guru-guru pelatih yang tidak berpeluang memasuki maktab itu diberi latihan sambilan di tempat masing-masing selama tiga tahun.

### Sekolah Tamil

Sekolah Tamil di Malaya tidak banyak bilangannya, dan bilangan murid juga tidak ramai. Sebelum merdeka, seperti keadaan sekolah Melayu juga, pelajaran sekolah Tamil adalah setakat sekolah rendah sahaja. Hingga 1937, masih belum diadakan kelas latihan perguruan, maka itu guru-guru dibawa masuk dari India Selatan. Oleh kerana kekurangan tenaga pengajar, keranik-kerani di estet dan pembantu-pembantu klinik diambil juga sebagai guru sambilan untuk mengajar di sekolah-sekolah Tamil. Menjelang Perang Dunia Ke Dua, iaitu dalam tahun 1941 kelas-kelas latihan hujung minggu diadakan selama tiga tahun. Kelayakan masuk ialah darjah enam sekolah rendah. Menurut catatan 1941, terdapat lebih kurang tiga ratus orang guru-guru India menyertai kelas itu. Kemudian oleh sebab perang dunia dan selepas kejatuhan Malaya kelas latihan tersebut diberhentikan.

### Sekolah China

Sebelum merdeka, pelajaran China tidak dianggap sebagai pelajaran orang Malaya kerana pada ketika itu orang China dan India dianggap pendatang sementara sahaja. Oleh kerana pihak penjajah tidak memberi apa-apa bantuan kepada sekolah China maka tidak timbulah soal latihan perguruan sekolah China. Sebelum Perang Dunia Ke Dua, guru sekolah China adalah didatangkan dari tanah besar China. Bilangan serta mutu guru-guru sekolah China yang datang dari negeri China adalah mencukupi, jadi tidak diperlukan latihan perguruan di sini. Layanan yang diterima oleh guru-guru dari negeri China di sini agak baik jika dibandingkan dengan yang ada di negeri China. Dalam masa Perang Dunia Ke Dua, guru-guru dari negeri China tidak didatangkan lagi. Tambahan pula sesudah perang, bilangan sekolah bertambah dan peraturan-peraturan imigresen dikenakan, maka timbulah keadaan kekurangan guru. Oleh kerana bekalan guru tidak dapat menampung permintaan, maka barulah diadakan latihan perguruan di Malaya untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat itu. Latihan perguruan sekolah China sesudah perang dapat dibahagikan kepada tiga peringkat:

**Peringkat Pertama (1946-1947):** dibuka tiga buah kelas latihan perguruan Simplified (Simplified Normal Training Course), iaitu sebuah di negeri Pulau Pinang dan dua buah di negeri Perak. Pada tahun 1947, kerajaan telah membuka lagi kelas jenis itu di Selangor dan di Negeri Sembilan. Bilangan guru-guru yang menyertai kelas tersebut ialah 207 orang. Mereka adalah lepasan sekolah China. Oleh sebab kelas Simplified ini dibuka untuk menampung kekurangan guru-guru yang layak bagi sekolah China, maka terpaksa mengambil calon-calon lepasan sekolah menengah rendah dan ditugas sebagai guru sementara serta diberi peluang menyertai kursus profesional Simplified ini. Oleh kerana kelas seperti itu tidak dapat memuaskan pihak Inggeris, maka iaanya ditamatkan pada tahun 1947.

**Peringkat Kedua (1948-1955):** Pada tahun 1948, berlakulah pemberontakan bersenjata Komunis dan Malaya masuk ke zaman dharurat. Pihak militer Inggeris menghimpunkan segala penghuni desa dan di tempatkan dikampung baru. Maka tertubuhlah banyak sekolah dikampung baru, bilangan murid juga turut bertambah. Demikianlah juga keadaan di bandar. Oleh kerana keperluan kepada guru-guru sangat dirasakan dan demi menampung keperluan itu maka kerajaan pun membuka kursus latihan perguruan hujung minggu (week-end Teacher Training Course) bagi melatih guru-guru sekolah China. Oleh kerana terdapat ramai guru-guru yang bertugas di kampung baru, dan agak sukar bagi mereka berulang-alik untuk menghadiri kelas tersebut, maka kelas itu ditukar dengan kursus latihan guru dalam masa cuti sekolah (Vacation Teacher Training Course). Oleh kerana waktu kursus tersebut agak terhad kerana para pelajar adalah guru-guru sepenuhmasa dan dibebankan dengan pelbagai kerja dan tugas, masa untuk membaca sangat terhad. Tambahan pula buku rujukan pun tidak mencukupi maka kursus ini tidak mencapai hasil yang memuaskan.

Pada tahun 1948, kerajaan membuka kelas latihan Perguruan Senior Normal sepenuhmasa. Oleh kerana pengambilan untuk Kelas Senior Normal adalah secara tidak rasmi, maka dalam tempoh 1948 hingga 1955, bekalan guru sekolah China adalah bergantung kepada kedua-dua jenis guru, iaitu guru lepasan Senior Normal dan guru kursus latihan dalam masa

cuti sekolah. Dalam rancangan pengembangan pelajaran, pada mulanya diura-urakan empat buah maktab perguruan akan dibuka di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Melaka. Akan tetapi kemudiannya terdapat hanya sebuah sahaja dibuka di Pulau Pinang iaitu Maktab Perguruan Green Lane. Sebelum menjadi Maktab, ia adalah sebuah sekolah menengah China disamping melatih guru-guru untuk sekolah China. Bakal-bakal guru yang menyertai kursus di situ kebanyakannya terdiri daripada penuntut-penuntut lepasan sekolah itu sendiri. Bahagian sekolah menengah kemudiannya diberhentikan dan bangunan sekolah itu diukur menjadi Maktab Perguruan sepenuhnya. Kelas-kelas Senior Normal yang terdapat di negeri-negeri lain di Malaya telah diadakan di sekolah-sekolah menengah China yang terkenal. Para pensyarah kelas itu kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai pelajaran negeri dan guru-guru sekolah menengah China yang berkelayakan.

**Peringkat ketiga (1956-1972):** Menurut laporan Razak tahun 1956, calon-calon guru sekolah rendah haruslah mempunyai enam tahun pelajaran di sekolah rendah dan tiga tahun pelajaran di sekolah menengah serta lulus kursus profesional perguruan. Berikut dengan itu maka pada tahun 1957, pihak kerajaan mengumumkan peraturan-peraturan baru pendaftaran guru-guru; iaitu selain daripada kelulusan akademik, seseorang calon guru yang ingin mendaftar sebagai guru tetap hendaklah mempunyai kelulusan profesional perguruan. Laporan Razak juga mencadangkan agar didirikan di setiap negeri, Pusat atau Maktab Perguruan untuk melatih guru-guru bagi ke empat-empat aliran; iaitu Melayu, Inggeris, China dan Tamil. Maka itu Pusat atau Maktab Perguruan dimulakan di semua negeri pada tahun 1957. Kursus tersebut dibahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian Melayu, Bahagian Inggeris, Bahagian China dan Bahagian Tamil. Masing-masing memakai bahasa pengantar sendiri, di samping Bahasa Melayu diwajibkan diperlajari oleh semua guru-guru pelatih di Pusat atau Maktab Perguruan tersebut. Dengan bermulanya sistem latihan perguruan ini maka latihan kelas-kelas Senior Normal China terus diberhentikan pada tahun tersebut.

### Sistem Latihan Perguruan Yang Terkandung Di Dalam Laporan Penyata Razak

Pada bulan Julai tahun 1955, pilihanraya pertama telah diadakan dan kerajaan Perikatan (UMNO-MCA-MIC) telah dipilih untuk memerintah negara ini. Para pemimpin faham benar bahawa untuk menyatupadukan ahli masyarakat yang berbilang kaum di Malaya dan membangunkan negara, pelajaranlah merupakan alat yang paling penting. Atas kesedaran itu, maka dalam bulan September Kerajaan Perikatan menubuhkan sebuah jawatankuasa pelajaran yang dianggotai oleh 15 orang dan diketuai oleh Menteri Pelajaran pada waktu itu, iaitu Dato' Abdul Razak untuk meninjau dasar-dasar pelajaran yang ada pada waktu itu dan membuat cadangan bagi menubuhkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh semua rakyat. Jawatankuasa ini juga diberi tugas untuk mengkaji matlamat untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, tanpa menjelaskan perkembangan bahasa dan budaya keturunan kaum-kaum lain di negara ini.

Dalam aspek pelajaran perguruan, jawatankuasa itu mencadangkan perubahan, pelaksanaan serta perluasan latihan perguruan. Di samping itu ditegaskan juga bahawa guru-guru sekolah mesti mempunyai bukan sahaja kelayakan akademik, tetapi juga latihan profesional perguruan untuk didaftarkan untuk mengajar. Dari tahun 1957 hingga 1972, latihan perguruan yang rasmi bolehlah dibahagikan kepada tiga kumpulan:—

1. Maktab Perguruan Harian untuk menghasilkan guru-guru sekolah rendah. Kelayakan akademik yang paling minima ialah tiga tahun di sekolah menengah, memiliki Sijil Rendah Pelajaran (LCE) dan mendapat latihan perguruan selama tiga tahun. Kemudian kelayakan itu dilanjutkan menjadi lima tahun pelajaran sekolah menengah serta memiliki Sijil Senior Cambridge atau kelayakan yang sama dan menerima latihan perguruan selama dua tahun.
2. Maktab Perguruan Malaya untuk menghasilkan guru sekolah menengah rendah. Kelaya-

kan masuk ialah lima tahun pelajaran sekolah menengah dan memperolehi Sijil Senior Cambridge atau Sijil Federation of Malaya Certificate of Education. Sesudah lulus dalam latihan perguruan dua tahun, guru-guru ini dihantar ke sekolah-sekolah untuk mengajar di tingkatan-tingkatan satu hingga tiga.

3. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya menghasilkan guru sekolah menengah atas dan tingkatan enam. Kelayakan masuk ialah ijazah dari Universiti dan setahun latihan perguruan untuk mendapatkan Diploma Pendidikan.

Dengan itu guru-guru ini bukan sahaja berbeza dari segi kelayakan akademik dan tempoh latihan profesional, tetapi juga dari segi tugas, gaji dan layanan yang mereka dapat.

#### **Laporan Penyata Rahman Talib Dan Masalah Latihan Guru**

Dalam laporan Penyata Rahman Talib 1960, beberapa cadangan telah dibuat. Tiga dari cadangan-cadangan ini adalah secara langsung berkait rapat dengan perkembangan latihan perguruan.

1. Umur berhenti sekolah bagi seseorang kanak-kanak dinaikkan kepada limabelas tahun dengan tertubuhnya sekolah jenis baharu yang dinamakan Sekolah Pelajaran Lanjutan. Sekolah-sekolah ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyambungkan pelajaran selama tiga tahun lagi selepas tamat pelajaran sekolah rendah selama enam tahun.
2. Mulai 1962 diadakan pelajaran percuma bagi semua aliran sekolah-sekolah rendah.
3. Mengukuhkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan lebih luas di sekolah supaya Bahasa Kebangsaan mendapat kedudukan yang wajar di dalam sistem pelajaran negara ini.

Dalam melaksanakan cadangan-cadangan di atas, Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran menghadapi masalah-masalah dan cabaran-cabaran berikut:

- a. Oleh kerana diadakan pelajaran percuma di sekolah rendah, bilangan pelajar-pelajar bertambah dengan pesat. Maka itu Kementerian Pelajaran terpaksa menambahkan bilangan guru untuk menampung kehendak-kehendak ini.
- b. Dengan pemansuhan peperiksaan masuk ke sekolah-sekolah menengah dan perlaksanaan kenaikan darjah secara automatik, serta melambatkan umur berhenti sekolah, sekolah-sekolah menghadapi kekurangan guru. Pihak Kementerian Pelajaran dengan segera melatih guru-guru sekolah menengah rendah dengan banyaknya untuk menampung keperluan-keperluan tersebut.
- c. Bahasa Kebangsaan digunakan secara meluas dan telah menjadi matapelajaran wajib serta bahasa pengantar. Maktab Perguruan, bukan sahaja melatih dan membekalkan guru-guru yang boleh mengajar matapelajaran Bahasa Kebangsaan, tetapi juga bertugas menghasilkan bilangan guru yang besar yang boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar untuk mengajar Ilmu Alam, Sejarah, Sastera, Sivik dan matapelajaran-matapelajaran lain. Di samping menjalankan tugas-tugas ini setengah-setengah maktab menawarkan kursus Bahasa Khas bagi guru-guru sekolah Inggeris yang bahasa pengantarnya adalah Bahasa Inggeris supaya setelah menjalani kursus ini mereka dapat mengajar dalam Bahasa Kebangsaan.

Oleh kerana permintaan guru-guru sekolah menengah terlalu tinggi, maka kerajaan terpaksa mengadakan langkah sementara dengan mengadakan Maktab Perguruan Daerah bagi melatih bakal-bakal guru yang mempunyai Sijil Senior Cambridge (SC) atau Federation of Malaya Certificate of Education (FMC) yang pada waktu itu bertugas sebagai guru sementara dan pada masa yang sama menjalani kursus perguruan selama dua tahun. Kursus ini hanya diadakan dari tahun 1965 hingga 1968.

Dalam tempoh empatbelas tahun dari tarikh kemerdekaan, setelah menghadapi dan mengatasi bermacam-macam masalah dan kesulitan serta cabaran, bolehlah dikatakan bahawa bilangan guru di negeri ini agak mencukupi, tetapi dalam aspek mutu atau kualiti masih perlu diperbaiki dan ditinggikan lagi.

### Sistem Gabungan Latihan Guru Bagi Sekolah Menengah dan Rendah

Pada tahun 1973, Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran, telah mengadakan sistem latihan perguruan yang bergabung. Sistem ini dilaksanakan di sembilan buah maktab perguruan di Malaysia Barat. Ini adalah satu gejala baru dalam perkembangan latihan perguruan di negara ini. Sistem ini telah menggantikan tradisi latihan perguruan yang berasingan bagi sekolah menengah dan rendah dan juga menghapuskan jurang perbezaan di antara dua kumpulan latihan guru ini.

Di bawah ini diuraikan secara ringkas beberapa aspek yang berhubung dengan sistem latihan itu:—

1. **Kelayakan masuk** — Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia serta dua matapelajaran lain.
2. **Had umur** — calon-calon yang memiliki SPM harus berusia tidak melebihi duapuluh lima tahun dan calon yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran (STP) mestilah tidak melebihi tigapuluh tahun.
3. **Tempoh latihan** — Dua tahun penuh masa disertai oleh latihan mengajar dan pemerhatian. Waktu kuliah dan tutorial berjumlah tigapuluh tiga jam seminggu di samping bakal-bakal guru itu mesti menyertai kegiatan-kegiatan ko-kurikular.
4. **Elaun latihan** — calon-calon guru tidak dikenakan sebarang bayaran bagi mengikuti latihan tersebut, sebaliknya mereka ini diberi elauan \$150.00 setiap bulan.
5. **Susunan latihan** — Semua pelatih-pelatih tahun pertama didedahkan kepada matapelajaran-matapelajaran yang mementingkan prinsip dan latihan amali pendidikan bagi darjah empat hingga tingkatan satu. Selain daripada itu mereka juga mengikuti kuliah-kuliah teknik dan kaedah-kaedah mengajar. Pada tahun kedua mereka dibahagikan ke dalam dua kumpulan, kumpulan A dan kumpulan B. Mereka yang di dalam kumpulan A memilih kursus prinsip-prinsip pendidikan, psikologi pembelajaran dan teknik-teknik mengajar yang khas bagi darjah satu hingga tingkatan tiga sementara mereka yang di dalam kumpulan B mengikuti kursus-kursus yang tersebut, khas bagi kelas peralihan hingga tingkatan tiga.

Dalam melaksanakan latihan perguruan sekolah rendah dan menengah, sudah tentu terdapat beberapa kesulitan; Dibawah ini diperturunkan beberapa masalah:

1. Kandungan pelajaran agak berat dan tempoh latihan terlalu singkat. Para pelatih di samping menghadiri kuliah dan kelas, diperlukan juga mengambil bahagian dalam berbagai-bagai kegiatan ko-kurikular. Dengan itu mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk belajar secara sendiri.
2. Perpustakaan yang ada di kebanyakan maktab-maktab perguruan tidak mempunyai perolehan yang cukup. Buku-buku, majalah-majalah dan rujukan-rujukan dalam Bahasa Malaysia adalah sangat kurang.
3. Secara umum pelatih-pelatih yang berasal dari sekolah aliran kebangsaan agak lemah Bahasa Inggeris mereka. Mereka menghadapi kesulitan membaca dan menggunakan buku-buku dan majalah-majalah di dalam Bahasa Inggeris sebagai rujukan atau bacaan tambahan.
4. Tempoh menjalani latihan mengajar dalam dua tahun itu agak singkat. Peluang bagi menjalani

latihan mengajar hanya duabelas minggu sahaja.

5. Pelatih-pelatih yang memiliki SPM dan STP bergabung dan menerima latihan yang sama. Oleh kerana mereka berbeza dalam kelayakan akademik dan pelajaran kemungkinan kuah yang sama tidak memberi faedah yang sama kepada pelajar-pelajar yang berbeza ini.
6. Setelah tamat latihan, kebanyakan pelatih-pelatih dihantar bertugas di luar bandar dan mereka jarang berhubung dengan pihak maktab. Oleh itu pihak maktab tidak dapat mengetahui hasil-hasil yang diusahakan oleh para guru yang telah dilatih oleh mereka.
7. Baru-baru ini pengambilan calon-calon guru masuk ke maktab-maktab perguruan telah ditambahkan sedangkan bilangan pensyarah tidak ditambah. Pensyarah-pensyarah yang boleh mengajar dalam Bahasa Malaysia bagi matapelajaran-matapelajaran seperti falsafah pendidikan, sosiologi pendidikan, psikologi pendidikan, prinsip-prinsip pengajaran dan kursus-kursus yang tertentu adalah sangat kurang, dan sukar hendak dicari.

Walaupun menghadapi bermacam-macam masalah seperti yang tersebut di atas, nampaknya Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran telah menyambut cabaran itu dengan mengambil beberapa langkah demi mengatasi masalah-masalah ini.

Langkah-langkah itu termasuklah menuju semula kandungan pelajaran perguruan, mengkaji dan memanjangkan tempoh latihan, menggunakan TV serta juga bermacam-macam alat pandang-dengar untuk mempertinggikan mutu latihan guru.

Di samping itu biasiswa ditawarkan kepada pensyarah yang sedang bertugas untuk mengikuti pelajaran lanjutan di Universiti-Universiti tempatan atau seberang laut. Pengetua-pengetua maktab dan pegawai-pegawai pentadbir kanan dihantar keluar negeri membuat lawatan sambil belajar supaya dapat meninggikan mutu dan kesan pengajaran di maktab.

### **Arus Perkembangan Pendidikan Negara Malaysia**

Sejak merdeka banyak langkah-langkah telah diambil bagi meninggikan mutu pelajaran di negeri ini. Dahulunya pelajaran Melayu hanya sampai peringkat sekolah rendah sahaja tetapi kini sudah ada sekolah-sekolah menengah Melayu, tingkatan 6 Melayu dan universiti-universiti tempatan yang bahasa pengantarnya Bahasa Malaysia (Bahasa Melayu). Duapuluh dua tahun yang lalu, Malaysia hanya mempunyai sebuah universiti iaitu Universiti Malaya di Singapura. Sekarang ia telah mempunyai lima buah universiti; iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Di samping itu ada juga yayasan pelajaran tinggi seperti Institute Teknologi MARA, Kolej Tengku Abdul Rahman, Kolej Politeknik Ungku Umar dan lain-lain lagi. Kini di Malaysia terdapat lebih dari 7 ribu buah sekolah dan bilangan murid meningkat ke 2.7 juta orang, sementara bilangan guru telah melebihi 80 ribu orang.

Segala ini telah membuktikan bahawa perkembangan pelajaran sangat pesat dan permintaan rakyat makin hari makin bertambah. Pada masa ini rakyat bukan sahaja berusaha mendapatkan peluang-peluang pelajaran tetapi juga meminta pelajaran yang bermutu tinggi. Jadi adalah menjadi tugas yang utama bagi kerajaan mengadakan kelengkapan-kelengkapan pelajaran yang cukup dan baik.

Ditinjau dan dianalisa dari semua aspek, arus perkembangan pendidikan perguruan adalah seperti berikut:

### **Menambahkan Latihan Perguruan**

Oleh kerana bilangan penduduk, sekolah dan murid bertambah ramai, sudah wajarlah bagi negara ini melatih lebih ramai lagi bilangan guru demi menampung keperluan ini. Pada dewasa

ini walaupun negara kita mempunyai lebih kurang 100,000 orang guru yang sedang berkhidmat di sekolah, tetapi jika dikira secara nisbah, kita seharusnya memerlukan seramai 120,000 orang guru. Nisbah guru kepada kelas ialah 1:2 bagi sekolah rendah dan 1:4 bagi sekolah menengah. Dengan kadar nisbah yang demikian maka agak susah bagi kaum guru menghasilkan pengajaran yang bermutu seperti yang dikehendaki. Di samping itu, dengan masih adanya bilangan guru sementara tanpa latihan profesional maka ternyata bahawa nisbah guru yang berkelayakan dengan kelas amat tidak memuaskan.

Menurut Laporan Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980) Malaysia dewasa ini mempunyai 25 buah Maktab Perguruan, iaitu sebanyak 19 buah di Semenanjung Malaysia, tiga buah di Sarawak dan tiga buah lagi di Sabah. Tiap-tiap tahun seramai 25,440 orang guru-guru mendapat latihan profesional perguruan dari maktab-maktab tersebut.

Tentang kemudahan dan kelengkapan bagi latihan perguruan, Yang Berhormat Dato' Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia, dalam ucapan pembukaan rasmi seminar penilaian kurikulum maktab-maktab perguruan di Pulau Pinang pada bulan Mac 1979, telah mengumumkan, bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengambil tindakan untuk melengkapkan semua maktab perguruan dengan segala kemudahan yang diperlukan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Maktab Perguruan Sungai Petani, Maktab Perguruan Ipoh, Maktab Perguruan Kuantan, dan Maktab Perguruan Trengganu, telah dibina.

### **Meninggikan Kelayakan Masuk Maktab**

Kerajaan dan orang ramai sangat memandang berat terhadap mutu pelajaran dan kesan pengajaran, oleh itu adalah wajar bagi mereka meminta guru yang baik. Meninjau kepada tahun pertama sesudah merdeka, seorang individu yang telah menerima sembilan tahun pelajaran sekolah rendah dan menengah, dan mempunyai SRP/LCE sudah boleh memohon masuk ke maktab perguruan dan dilatih menjadi seorang guru terlatih. Sepuluh tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1967, kelayakan minima untuk memasuki maktab perguruan dinaikkan kepada kelulusan SC/MCE/SPM. Kini terdapat pelatih-pelatih yang berada di maktab perguruan, yang mempunyai sijil penuh HSC/STP. Untuk masa-masa yang akan datang, mungkin kelayakan yang lebih tinggi daripada itu diperlukan untuk membolehkan seseorang calon diterima masuk ke maktab perguruan.

### **Memanjangkan Tempoh Latihan**

Beban latihan hari ini agak berat dan tempoh latihan selama dua tahun dirasai agak singkat. Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran kini sedang mengkaji semula kursus-kurusus dan latihan amali yang tersebut dan besar kemungkinan tempoh latihan yang ada pada hari ini akan dipanjangkan menjadi tiga tahun semoga para pelatih mempunyai masa yang cukup bagi mengikuti prinsip-prinsip pendidikan dan mempelajari teknik-teknik mengajar secara yang lebih mendalam dan berkesan.

### **Penggunaan Alat Pandang-Dengar**

Dengan adanya kemajuan sains dan letronik maka teknologi baru telah digunakan di dalam pengajaran. Antara alat-alat baru yang telah digunakan ialah projektor-projektor filem sisipan dan filem sine, radio, pita rakaman vedio, dan mesin perakam vedio dan televisyen (TV). Kini maktab perguruan telah mula menggunakan kamera televisyen, perakam pita vedio dan pita rakaman vedio untuk merakamkan sessi pengajaran mikro dan menilai atau menganalisa teknik-teknik mengajar guru-guru pelatih. Di makmal-makmal bahasa pula terdapat alat rakaman penyiaran dan sebagainya untuk digunakan dalam pengajaran pembelajaran bahasa..

### **Latihan dan Pelajaran dalam Perkhidmatan**

Pada zaman perkembangan pengetahuan yang amat pesat, guru yang telah mendapat latihan profesional dan yang telah berkelayakan, jika tidak belajar secara sendiri setiap masa untuk mencari pengetahuan tambahan dan kemahiran baru, nescaya akan ketinggalan dalam perkembangan

profesyen mereka. Tambahan pula dalam menjalankan tugas, ramai guru dinaikkan pangkat atau ditukar jawatan untuk mengambil tempat baru sebagai ketua jabatan, guru kanan dan guru besar. Dengan itu mereka harus menyertai kursus-kursus dalam perkhidmatan yang berhubung rapat dengan jawatan baru mereka untuk menambah pengetahuan dan kemahiran mereka. Kebelakangan ini di negara-negara maju di Barat kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru sangat dititikberatkan. Menurut 'The James Report' di Britain, kursus dalam perkhidmatan sangatlah penting dan harus selalu diberikan. Laporan itu mencadangkan buat setiap tujuh tahun seorang guru seharusnya diberi peluang bercuti bergaji selama tiga bulan untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan demi memperolehi teknik baru untuk memperbaiki pengajaran mengajar dan mutu pelajaran mereka. Pada masa yang akan datang, maktab perguruan dan fakulti atau pusat pengajian ilmu pendidikan di universiti-universiti, di samping menjalankan tugasnya memberi latihan pra-perkhidmatan, akan juga memberi kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang terlatih untuk mempertinggikan mutu pelajaran dalam negara kita ini.

## Penutup

Tugas yang dihadapi oleh Bahagian Latihan Guru hari ini di Malaysia ialah: (1) melatih dan membekalkan cukup bilangan guru yang berkelayakan dan menampung keperluan-keperluan sekolah, dan (2) memaju, menjaga dan meninggikan mutu pengajaran. Kedua-dua matlamat itu dapat dicapai atau tidak bergantung kepada tiga unsur: (i) Keperibadian pensyarah; (ii) Mutu pelatih; (iii) Kandungan kursus.

Dalam duapuluh dua tahun yang lalu perkembangan pelajaran perguruan disamping giat menghasilkan guru-guru yang layak yang cukup juga menghasilkan guru-guru yang boleh menjalankan tugasnya dalam empat-empat aliran di negara ini. Mulai 1970 Sekolah Inggeris Jenis Kebangsaan telah diubah dengan menggunakan Bahasa Malaysia untuk menggantikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang penting. Dalam tahun 1976 Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris juga diubah memakai Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama. Oleh itu guru yang ada di sekolah Inggeris terpaksa menyertai kursus-kursus dalam perkhidmatan Bahasa Malaysia. Tugas ini sudah tentu dipikul oleh Maktab Perguruan. Setakat ini guru Inggeris sekolah rendah dan menengah yang telah mengikuti kelas tersebut ialah lebih dari 15 ribu orang. Soal bilangan guru boleh dikatakan telah diatasi, akan tetapi aspek mutu harus diusahakan lagi. Maktab Perguruan dan Universiti di negara ini kebanyakannya didirikan di kawasan bandar dan kursus latihan serta teknik mengajar dipusatkan pada bandar sahaja, oleh itu para pelatih di luar bandar telah diabaikan perkembangan dan permintaannya. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memberi perhatian untuk mengurangkan jurang antara perbezaan bandar dan luar bandar. Oleh itu kursus latihan perguruan mesti dikaji semula dan disesuaikan dengan kehendak luar bandar.

Apabila ditinjau secara ringkas kedua puluhdua tahun yang lalu kita akan dapati bahawa kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah berusaha dengan seberapa yang boleh dan membuat sumbangan yang besar terhadap kemajuan latihan perguruan di negeri ini.

Pada tahun limapuluhan telah diadakan sistem latihan perguruan yang bersama bagi menampung permintaan yang besar. Dengan ini masalah kekurangan guru pada tempoh permulaan merdeka telah dapat di atasi. Dalam tahun-tahun enampuluhan, bilangan guru yang dikeluarkan bertambah. Selain daripada itu kelayakan masuk dinaikkan dan kandungan kursus diperbaiki. Dalam tahun-tahun tujuhpuluhan telah diadakan sistem perguruan bersepadan untuk mengukuhkan pelajaran perguruan dan menghapuskan perbezaan antara guru sekolah menengah dan rendah. Selain daripada itu guru-guru berpeluang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan dan mendapat biasiswa latihan. Pensyarah-pensyarah dihantar belajar ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri dan pentadbir-pentadbir kanan diberi peluang melawat negeri-negeri lain untuk mengkaji sistem-sistem latihan guru.

Meninjau dari segi kemajuan yang telah dicapai dan langkah-langkah positif lagi dinamik yang telah dirancang dan dilaksanakan maka tidak dapat dinafikan bahawa prospek pendidikan perguruan pada masa akan datang itu amatlah cerah dan menggalakkan.

### Rujukan

Cadangan Sukatan Pelajaran Ilmu Pendidikan Untuk Maktab-Maktab Perguruan Rendah dan Menengah, Kementerian Pelajaran, Malaysia, 1971. (Mimeo).

Chan Min Kee, "The National Education System of Malaya – Its Policy and Structure," *UMBC Economics Reviews*, Vol. III, No. 1, 1967.

Chang Min Phang, Paul, *Educational Development in a Plural Society*, Petaling Jaya, Kuala Lumpur: Malaya Publishing & Printing Co., 1973.

Federation of Malaya, *Report of the Education Committee 1956*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1956.

Hamdan bin Sheikh Tahir, Opening Address at the National Seminar on Curriculum Development in Teacher Education, Penang, Malaysia, 1970, (mimeo ).

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Report of the Education Review Committee 1960*.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Report of the Royal Commission on the Teaching Services*, West Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia, 1968.

Bahagian Latihan Guru, "Teacher Training Courses Organised by the Department/Ministry of Education Pre 1956 and after 1956, KP. 9099/15(9) 1969," Ministry of Education, Malaysia 1967.

Jawatankuasa Mengkaji Tujuan-Tujuan Latihan Perguruan. *Tujuan Am Tertentu Latihan Perguruan di Malaysia*, (General Aims of Teacher Education in Malaysia), Kementerian Pelajaran, Malaysia, May 1971.

Wong H.K. and Chang, M.P., *The Changing Pattern of Teacher Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1975.

Wong H.K., *Teacher Education in ASEAN*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1976.

### Rujukan Tambahan

Awang Had bin Salleh, Education and National Development: Agenda for Action mimeograph, August 1

Beeby, C.E, *The Quality of Education in Developing Countries*, Cambridge, Massachusetts. Harvard University Press, 1966.

Chan Kai Yau, Curriculum Evaluation in Teacher Education in Singapore, in Curriculum Evaluation in Teacher Education in Southeast Asia, August 3 – 7, 1970, University of Malaya, Malaysia.

Curriculum Development in Teacher Education in Asia, Report of a Regional Meeting, 23 September – 3 October 1969, Philippines, Unesco, Bangkok.

Draft Report on 'Goals, Aims and Objectives in Teacher Education in Malaysia,' Ministry of Education, Malaysia, KP. 9099/15/Jil 2 (14) March 3, 1971.

Education Profile – Malaysia, The British Council, Kuala Lumpur, Malaysia August 1974.

Lee Chee Ying, "A Study of the balance between academic and professional and in professional education between theory and practice in the preparation of primary school teacher in Malaysia." A.I.T.E. (Unesco) University of the Philippines, 1970.

Long-term Projection for Education in Malaysia, Report of the Unesco Regional Advisory Team for Education Planning in Asia, Unesco Regional Office for Education in Asia, Bangkok, 1965.

Maraj, J.A., *The Teacher Educator, in Teacher Education in A Changing Society*, London: Commonwealth Secretariat, 1974.

McGregor, A.B., "Curriculum Evaluation in Teacher Education in Southeast Asia," *Bulletin on Educational Problems*, University of Malaya, Vol. 2, No. 2, December 1970.

Ooi Jin-Bee, Land, *People and Economy in Malaya*, London: Longmans, Green and Co., Ltd., 1963.

Report of a Mission invited by the Federation Government to study the problem of the education of Chinese in Malaya, Kuala Lumpur: Malaysia Government Press, 1951.

Report of the Working Committee of the Courses of Studies and Education Syllabuses in the Secondary Training Colleges, 1963, Malaysia.

"Teacher Education and Training," a Report by a Committee of Inquiry appointed by the Secretary of State for Education and Science, under the Chairmanship of Lord James of Rusholme, HMSO, London, 1972.

Vivekanda, R., & Sim Wong Kooi, "Curriculum Evaluation in Teacher Education in Southeast Asia," August 3-7, 1970, University of Malaya, Malaysia.

Wong, H.K. and Ee, T.H., *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1971.

\_\_\_\_\_. *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1972.

Wong, H.K., *Readings in Malaysia Education*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1975.